



**SEBUTHARGA
KEDAI KESIHATAN
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH, KOTA KINABALU, SABAH**

**KELOLAAN
PERSATUAN PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT (PERUBATAN) MALAYSIA
(PPPM(P)M)**

NAMA TAWARAN : TAWARAN MENYEWA RUANG NIAGA DAN
MENGENDALIKAN KEDAI KESIHATAN DI
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH, KOTA KINABALU,
SABAH

NO. SEBUT HARGA : TKPM/SEWA/KKESIHATAN/06/17

KOD BIDANG : i. 221506 - BANGUNAN/PEJABAT/STOR/RUANG
NIAGA/RUMAH KEDIAMAN
ii. 050101 - PERALATAN DAN KELENGKAPAN
HOSPITAL
iii. 050102 - PERALATAN / KELENGKAPAN
PERUBATAN
iv. 050103 - PERALATAN UNTUK ORANG KURANG
UPAYA DAN PEMULIHAN
v. 050203 - UBAT TIDAK BERJADUAL
vi. 050204 - MAKANAN / MINUMAN TAMBAHAN
(FOOD SUPPLEMENT)
vii. 050301 - PERKAKAS PERUBATAN PAKAI BUANG

**TARIKH MULA
DIIKLANKAN** : 10 APRIL 2017 (ISNIN)

**TARIKH TAKLIMAT
DAN LAWATAN TAPAK** : 18 APRIL 2017 (SELASA),
JAM 10.00 PAGI

TEMPAT : BILIK SEMINAR, TINGKAT 5
JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH
JALAN PENAMPANG, PENAMPANG
88200 KOTA KINABALU
SABAH

**TARIKH TUTUP
SEBUTHARGA** : **25 APRIL 2017 (SELASA),
JAM 12.00 TENGAHARI**

SILA BAWA COP SYARIKAT DAN SALINAN SIJIL PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL PERAKUAN BUMIPUTERA SEMASA MENGHADIRI TAKLIMAT.

KEHADIRAN SEMASA TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK ADALAH DIWAJIBKAN. KEGAGALAN PENYEBUTHARGA MEMATUHI SYARAT INI AKAN MENYEBABKAN PENYEBUTHARGA TIDAK LAYAK MEMASUKI TAWARAN INI.

NOTA

1. Tawaran sebutharga ini adalah terbuka kepada syarikat Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan berstatus Bumiputera.
2. Spesifikasi Sebutharga:
 - i. Sedia menanggung segala kos operasi termasuk renovasi ruang niaga.
 - ii. Sedia membayar minima 5% daripada jualan kasar sebulan atau yang telah ditetapkan oleh Persatuan Pegawai Pembangunan Masyarakat (Perubatan) Malaysia [PPPM(P)M] untuk mengisi dana Tabung Kebajikan Perubatan Malaysia (TKPM). Kos GST sebanyak 6% daripada royalti juga perlu ditanggung oleh pengusaha.
 - iii. Waktu perniagaan fleksibel iaitu dari jam 7.00 pagi hingga jam 10.00 malam atau tertakluk kepada perubahan semasa.
 - iv. Penyebutharga yang berjaya dikehendaki membayar semua bil utiliti dan bil-bil yang lain seperti dalam perjanjian.
 - v. Sertakan Dokumen Sebutharga bersama **Profil Syarikat** yang mengandungi :
 - Salinan Sijil Kementerian Kewangan Malaysia yang mempunyai kod bidang:
 - i. 221506 - Bangunan/Pejabat/Stor/Ruang Niaga/Rumah Kediaman
 - ii. 050101 - Peralatan Dan Kelengkapan Hospital
 - iii. 050102 - Peralatan / Kelengkapan Perubatan
 - iv. 050103 - Peralatan Untuk Orang Kurang Upaya Dan Pemulihan
 - v. 050203 - Ubat Tidak Berjadual
 - vi. 050204 - Makanan / Minuman Tambahan (Food Supplement)
 - vii. 050301 - Perkakas Perubatan Pakai Buang
 - Salinan penyata bank bagi 3 bulan terkini.

3. Dokumen Sebutarga dan Profil Syarikat hendaklah dihantar dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutarga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari pada **25 APRIL 2017** di alamat seperti berikut:

**PERSATUAN PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
(PERUBATAN) MALAYSIA
58-3, Blok H, Platinum Walk
No. 2, Jalan Langkawi
53300 Danau Kota Setapak
Kuala Lumpur**

4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Sebutarga di talian 03-4131 2911 atau faks ke 03-4131 2211.
5. Keputusan Jawatankuasa Sebutarga adalah muktamad dan hanya penyebutarga yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.